

31 JUL 1998

Kereta api-Singapura

PELAN KONTINGENSI BAGI PENUMPANG KERETA API DI SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata, Malaysia mempunyai pelan kontingensi untuk mengendalikan penumpang-penumpang kereta api apabila Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Tanjong Pagar di Singapura dipindahkan ke Woodlands mulai esok.

"Kita ada pelan kontingensi sendiri," katanya kepada pemberita apabila ditanya mengenai perkhidmatan Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) ke Singapura esok.

"Semua kakitangan kanan KTMB telah diberitahu. Mereka mempunyai pelan itu ... Saya telah berbincang dengan mereka. Mereka mempunyai pelan itu dan mereka akan berada di sana," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Konvokesyen Kolej Tuanku Abdul Rahman (TAR) di sini.

Ditanya mengenai butiran pelan kontingensi itu, Dr Ling berkata: "Esok, anda akan tahu".

Singapura akan memindahkan pusat itu dari stesen Keretaapi Tanjong Pagar yang terletak di tengah-tengah republik itu ke Woodlands yang terletak berhampiran dengan sempadan Malaysia esok. Tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan memindahkan pusat pemeriksaannya ke Woodlands.

Semalam, Singapura berkata bahawa perbincangan dengan Malaysia untuk menyelesaikan pertikaian mengenai prosedur perjalanan kereta api menemui kebuntuan dan para pengguna akan menghadapi masalah jika Malaysia tidak memindahkan pusat pemeriksaannya ke Woodlands, mulai esok.

Ditanya sama ada perkhidmatan kereta api KTMB akan dihentikan di Johor Baharu sebagai sebahagian daripada pelan kontingensi itu, Dr Ling berkata: "Tiada komen, buat masa ini".

Dr Ling berkata pertikaian mengenai prosedur perjalanan kereta api adalah hal ehwal dua hala yang dikendalikan oleh Kementerian Luar.

"Saya percaya bahawa kedua-dua Kementerian Luar (Malaysia dan Singapura) sedang mengendalikan perkara ini. Saya berharap ia akan mencapai keputusan yang baik. Ia merupakan masalah antarabangsa dan bukan masalah Kereta Api semata-mata," katanya.

"Tiada lagi komen pada peringkat ini. Biar Menteri-menteri Luar mengendalikannya. Ia merupakan masalah dua hala. Cukuplah setakat ini."

-- BERNAMA

HS RHM PR